

NO SOALAN : 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS
(JERANTUT)**

**TARIKH : 08.08.17
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah peranan utama Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) di dalam membawa mesej keamanan kepada dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

King Salman Centre for International Peace atau KSCIP ditubuhkan sebagai sebuah institusi khusus bagi memerangi keganasan dan menangani penularan ancaman pengganas lebih-lebih lagi merujuk kepada aktiviti-aktiviti Daesh di seluruh dunia. Penubuhannya adalah berasaskan kepada metodologi untuk memberi kesedaran serta kefahaman agama Islam yang sebenar.

Ideologi keganasan tidak terbina di atas acuan ketenteraan dan acuan politik tetapi ia terbina daripada acuan pemikiran. Ia bermaksud, penentangan yang sesuai untuk menghadapi ekstremis adalah melalui pemikiran atau ideologi bagi menentang ideologi. Sehubungan itu, sebagai sebuah institusi ilmiah yang praktikal, pusat ini akan menjadi sebahagian daripada jaringan institut-institut pemikir di seluruh dunia. Pusat ini akan bekerjasama dengan institusi-institusi yang sedia wujud di dalam negara dan luar negara dalam melaksanakan peranannya dengan lebih efektif.

KSCIP akan menggunakan mekanisme-mekanisme wacana intelektual seperti seminar, bengkel, persidangan dan bentuk-bentuk forum yang akan mengumpulkan para ilmuan bertaraf dunia, pemimpin negara dan juga para akademia. Ia juga akan melibatkan kajian ilmiah dan projek di lapangan oleh para ilmuan dan pengamal keamanan, sesi perkongsian pengalaman, lawatan kerja, projek bersama, *public outreach programs* dan juga publikasi akademik serta penerbitan program di pelbagai media tempatan dan antarabangsa.